

Tuanku Muhriz mahu ia dihentikan serta-merta kerana bertentangan dengan Islam

Henti guna isu perkauman, agama

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD
TARMIZI

KUALA PILAH – Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir menyifatkan tindakan sesetengah pihak yang menggunakan isu perkauman dan agama untuk mendapat perhatian dan sokongan masyarakat sebagai tidak bertanggungjawab.

Tegas baginda, perbuatan tersebut harus dihentikan serta-merta, malah jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam.

"Kepelbagaiannya kaum, adat resam dan latar belakang agama yang ada di Malaysia bukanlah satu halangan kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan bersatu-padu.

"Namun, sejak akhir-akhir ini, terdapat sesetengah pihak menggunakan isu perkauman dan agama untuk mendapat perhatian dan menarik sokongan masyarakat. Ini satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan harus dihentikan serta-merta, malah perbuatan ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

"Rakyat negeri ini seharusnya teguh bersatu sebagai bangsa



TUANKU MUHRIZ ketika bertitah dalam Istiadat Pengurnian Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Sembilan sempena Hari Keputeraan Ke-75 baginda di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah semalam.
– JABATAN PENERANGAN

Malaysia yang mempunyai semangat kebersamaan dengan mengukuhkan nilai kesepakatan, perpaduan dan memelihara keharmonian yang berkekalan," titah baginda.

Tuanku Muhriz bertitah demikian pada Istiadat Pengurnian Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Negeri Sembilan sempena Hari Keputeraan Ke-75 baginda di Istana Besar Seri Menanti di

sini semalam.

Turut berangkat, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud. Baginda mengingatkan, pe-

mimpin yang diberi mandat untuk berkhidmat supaya meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.

Menurut Tuanku Muhriz lagi, demokrasi yang diamalkan di Malaysia telah memberi peluang kepada setiap rakyat berumur 18 tahun ke atas untuk memilih pemimpin yang akan menerajui pemerintahan negara.

"Pemimpin yang diberikan mandat, perlu mempunyai keikhlasan tinggi untuk berkhidmat demi kepentingan rakyat dan meletakkan kepentingan negara jauh melebihi kepentingan sendiri.

"Konflik dan budaya politik sempit berterusan hanya memperlihatkan Malaysia sebagai sebuah negara tidak stabil dan fragile (rapuh)," titah baginda.

Seramai 540 orang menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan Ke-75, Tuanku Muhriz.

Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr. Razali Ab. Malik dan Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Datuk Dr. Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir mengetuai senarai penerima.